



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam
sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Aerospace / Aeronautical Engineering / Bioengineering / Chemical Engineering / Computer Network / Computing (Network Engineering) / Electrical and Electronics Engineering / Materials Engineering / Mechanical Engineering / Mechatronics Engineering / Naval Engineering / Systems Engineering* atau bidang bersesuaian
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan
- ii. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah** hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - ii. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
3. Mempunyai laporan pernilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Fungsi Pengurusan Projek:-
 - a. Mengetuai, mengurus, menyelaras, dan memantau pelaksanaan projek-projek Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST), terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan keupayaan pertahanan.



- b. Memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan sempurna serta mengikut jadual, kos dan prestasi, dan kualiti yang ditetapkan.
2. Fungsi Kejuruteraan Sistem
- a. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan sistem (*Systems Engineering*) dalam perolehan dan pengurusan sepanjang hayat keupayaan sambil mengambil kira keadaan dan perkembangan *Defense Lines of Development* yang berkenaan.
 - b. Mempraktikkan amalan kejuruteraan sistem yang sesuai dalam pengurusan projek-projek keupayaan pertahanan termasuk menghuraikan skop sistem keperluan kejuruteraan, binaan (*architecture*) sistem, perancangan pengambilan / perolehan, mengetahui permasalahan integrasi, melaksanakan ujian dan penilaian, mengkordinasi pengagihan sistem-sistem dan mengembangkan fikiran.
3. Lain-lain keperluan
- a. Membantu dan menyumbangkan kepada peranan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dalam perolehan kompleks dan proses-proses komersial yang berkenaan;
 - b. Melaksanakan, menyediakan dan membantu dalam perkembangan:
 - i. Rangka Pelan bagi perolehan dengan mengambil kira pelanggan dan keadaan-keadaan lain;
 - ii. Jalan perolehan yang terbaik bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;
 - iii. Sumber perolehan yang mungkin;
 - iv. Perkembangan dan penilaian kriteria cadangan komersial dan teknikal;
 - v. Penyediaan dokumen-dokumen komersial (*Expression of Interest, Prequalification Questionnaire, Request for Proposal, Invitation to Tender* dan lain-lain);
 - vi. Penyediaan terma bagi kontrak dengan menepati prinsip-prinsip komersial kerajaan dan Kementerian Pertahanan secara adil dan konsisten;
 - vii. Pengurusan kontrak;
 - c. Untuk memenuhi keperluan kompetensi / kemahiran seperti yang tersenarai dalam matrix kompetensi; dan
 - d. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengarah Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) dari semasa ke semasa.